noor izwan architect
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4
Metro Town, Jalan Lintas
88300 Kota Kinabalu, Sabah
T: 088 366 720 . F: 088 366 501
E: noorizwanarchitect@gmail.com

# MINIT MESYUARAT

| | |
|---|---|
| Tarikh | 10 Ogos 2020 (Isnin) |
| Masa | 9.15 pagi |
| Tempat | Bilik Mesyuarat Tapak |

Cadangan Pembinaan Projek Balai Bomba Dan Penyelamat Beaufort, Sabah.

**MESYUARAT TEKNIKAL NO.5**

*Kehadiran:*

| Bil | Nama | Disiplin | No. Telefon |
|---|---|---|---|
| **(A)** | **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan** (Wilayah 6) | | |
| | | KPKTW6 | |
| **(B)** | **Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Beaufort** | | |
| | | | |
| | | | |
| **(C)** | **Noor Izwan Architect** (Perunding Arkitek) | | |
| 1 | Ar. Noor Izwan Rahim | NIA | 012 - 321 8905 |
| 2 | En. Wasaly Angkol | NIA | 016 - 836 6960 |
| 3 | En. Syahril Mohd Ariffin | NIA (COW) | 011 - 2764 0850 |
| **(D)** | **Aktif FA Konsult Sdn Bhd** (Perunding Sivil Dan Struktur) | | |
| 4 | En. Terrance Tang | AFK | 016 - 996 1090 |
| 5 | En. Oh Kok Thu | AFK (ARE) | 012 - 866 3113 |
| **(E)** | **Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd** (Perunding Mekanikal Dan Elektrikal) | | |
| 6 | Ir. Sherman Bin Daim | JPI | 019 - 860 2398 |
| **(F)** | **PQS Setia Konsult** (Perunding Ukur Bahan) | | |
| 7 | En. Sharman Bin Sharif | PQS | 010 – 951 3639 |
| **(G)** | **REMT Utama Sdn Bhd** (Kontraktor Utama) | | |
| 8 | En. Shir Zaman Bin Fazul Rahman | REMT | 017 - 863 6668 |
| 9 | En. Ronny Bin Lesa | REMT | 011 - 3646 7021 |
| | | | |
| | | | |
| | | | |

<table>
<tr><th>No.</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td colspan="3">Ucapan Aluan</td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.15 pagi dengan ucapan terima kasih daripada Tuan Pengerusi diatas kehadiran semua wakil dari setiap pihak.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>1.2</td><td>Minit Mesyuarat Teknikal Perunding No. 4 bertarikh 6 Julai 2020 disahkan tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td colspan="3">Laporan Kemajuan Kerja dan Keperluan Kontrak</td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.6 (6 Ogos 2020), secara ringkasnya pihak Kontraktor memaklumkan bahawa kemajuan kerja keseluruhan adalah seperti berikut:<br><table><tr><td colspan="4">Kemajuan Fizikal</td></tr><tr><td>Jadual Unjuran Kerja (%)</td><td>Unjuran Sebenar (%)</td><td>Kemajuan Kerja (%)</td><td>Kemajuan Kerja (Hari)</td></tr><tr><td>34.0</td><td>33.0</td><td>-1.0</td><td>-5.46</td></tr></table>REMT memaklumkan kerja-kerja Pad Footing masih dijalankan ketika ini (baki 3 unit) dan kerja-kerja yang akan dilaksanakan dalam bulan ini adalah:<br>i) Kerja-kerja Piling dan Jointing<br>ii) Kerja-kerja pembinaan Refuse Chamber</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>2.2</td><td>REMT perlu segera memuktamadkan Jadual Perlaksanaan Kerja dan berbincang bersama KPKTW6 pada 12 Ogos 2020.</td><td>REMT</td><td>3 Dis 2019</td></tr>
<tr><td>2.3</td><td>NIA meminta REMT untuk mendapatkan rekod dari Jabatan Meteorologi berhubung kadar taburan hujan bagi membandingkan laporan cuaca di Tapak yang direkodkan untuk penilaian kemajuan kerja.</td><td>REMT</td><td>6 Jul 2020</td></tr>
<tr><td>2.4</td><td>REMT mengesahkan kelulusan EOT pertama (tanpa permohonan) adalah 114 hari dan tarikh siap baharu adalah pada 1 September 2021.</td><td>Makluman</td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td colspan="3">Arkitektural</td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>NIA memaklumkan bahawa Pelan Pembangunan (DP) dan Pelan Bangunan (BP) telah mendapat kelulusan daripada MDB pada 24 Julai 2020 dan surat kelulusan telah diemel kepada semua pihak.</td><td>Makluman</td><td>3 Dis 2019</td></tr>
</table>

نور ازوان اركيتيك

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3.2 | NIA mengesahkan telah menerima cadangan 5 bahan dan pembekal daripada pihak REMT. Pengesyoran kepada USB KPKT dibuat pada 22 Julai 2020 dan kini dalam penilaian pihak USB. | USB | 6 Jul 2020 |
| 3.3 | NIA memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk yang diluluskan sehingga kini melibatkan:<br><br>i) *Bench* kepada *Compartment* dan perubahan kedudukan Grid 1.<br>ii) Akses baru ke Kuarters sediada.<br><br>PQS telah terima kos perubahan kerja daripada REMT pada 3 Ogos 2020. Kos bagi *Compartment* masih belum diperolehi dan menunggu pengesahan JBPM Putrajaya. | USB<br>JBPM | 3 Dis 2019 |
| 3.4 | NIA mengesahkan telah menerima Lukisan *As Built Setting Out* yang disahkan oleh *Surveyor* dan surat pengesahan ke atas penyiapan kerja *Setting Out* daripada REMT pada 23 Julai 2020. | Makluman | 3 Mac 2020 |
| 3.5 | Berhubung isu penambakan di kawasan *Pond* sediada, NIA akan mengemukakan permohonan perubahan rekabentuk kepada USB KPKT seperti diputuskan oleh W6. | NIA | 3 Mac 2020 |
| 3.6 | NIA melaporkan telah mengemukakan surat rayuan pengecualian Arkitek Lanskap kepada JPBW Unit Lanskap pada 27 Julai 2020 seperti yang diarahkan oleh pihak MDB. Maklum balas daripada Unit Lanskap masih belum diperolehi dan semakan lanjut akan dibuat pada 11 Ogos 2020. | NIA | 6 Jul 2020 |
| 3.7 | NIA memaklumkan bahawa REMT perlu memastikan aras kemasan lantai (FFL) bagi setiap komponen bangunan berpandukan *ground level* yang dinyatakan dalam Pelan Kejuruteraan. | Makluman | |
| 3.8 | NIA melaporkan terdapat beberapa cadangan penambahbaikan rekabentuk yang telah dikemukakan kepada pihak JBPM Putrajaya berdasarkan perbincangan bersama USB KPKT. Perunding dan REMT akan dimaklumkan sebaik keputusan dicapai. | NIA | |
| 3.9 | NIA memaklumkan sedang menambahbaik Lukisan Pembinaan setelah sesi semakan Pelan Akitektural dibuat bersama pihak USB KPKT. Lukisan pindaan akan disiapkan dan dikemukakan kepada semua. | NIA | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **4.0** | **Sivil Dan Struktur** | | |
| 4.1 | AFK memaklumkan akan membuat semakan lanjut berhubung kelulusan pelan-pelan berikut memandangkan kelulusan DP & BP telah diperolehi.<br><br>MSMA<br>Telah dikemukakan kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) pada 29 Nov 2019.<br><br>ESCP & Pelan Jalan dan Perparitan<br>Telah dikemukakan kepada MDB pada 30 Dis 2019.<br><br>Air & Pembentungan<br>Telah dikemukakan kepada MDB pada 30 Dis 2019. | AFK | 3 Dis 2019 |
| 4.2 | REMT melaporkan bahawa tindakan untuk menambah baik *Wash Bay* telah diambil (penyediaan *Water Jet Pump*) dan akses keluar masuk akan dipastikan sentiasa dibersihkan dari semasa ke semasa. | Makluman | |
| 4.3 | REMT memaklumkan anggaran kos bagi akses baru ke Kuarters sediada telah diserah untuk semakan dan tindakan PQS.<br><br>Tambahan kos melibatkan 1 Lampu Jalan (JPI) dan justifikasi perubahan (AFK) perlu diserahkan sebelum PQS majukan kepada KPKT. | JPI<br>AFK | 6 Jul 2020 |
| 4.4 | PQS menyarankan agar AFK membuat semakan dan pengesahan berhubung perubahan rekabentuk struktur secara keseluruhan memandangkan terdapat perbezaan ketara antara Lukisan Tender dan Lukisan Pembinaan C&S.<br><br>Perbezaan ini (Blok Utama, Menara Latihan, Rumah Pam dan Parkir Berbumbung) melibatkan penambahan kos RM140k berbanding RM25k dan memerlukan justifikasi pihak AFK. | AFK | |
| 4.5 | AFK memaklumkan bahawa perubahan rekabentuk yang melibatkan pindaan Lukisan Pembinaan Kejuruteraan masih belum diluluskan pihak UKAS. Edaran lukisan pindaan kepada semua Perunding akan dibuat sebaik kelulusan diterima.<br><br>NIA memaklumkan bahawa Perunding perlu sentiasa dimaklumkan berkaitan pindaan yang timbul bagi mengelakkan sebarang perbezaan lukisan pembinaan. | AFK<br>UKAS | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **5.0** | **Mekanikal Dan Elektrikal** | | |
| 5.1 | REMT mengesahkan telah melantik M&E *Supervisor*. REMT diminta untuk meminda Carta Organisasi dengan maklumat terkini, dicetak dalam saiz A1 dan dilekatkan dalam Bilik Mesyuarat Tapak. | REMT | 3 Dis 2019 |
| 5.2 | REMT perlu menyediakan *shop drawings* dan mengemukakan semua peralatan M&E untuk ulasan JPI dan kelulusan Unit M&E (KPKT).<br><br>JPI bersetuju untuk menerima profil REMT sebagai kontraktor M&E, REMT perlu kemuka segera untuk rekod. | REMT | 3 Dis 2019 |
| 5.3 | Berhubung isu perubahan keatas lokasi dan saiz bangunan pencawang SESB, JPI memaklumkan bahawa pihak SESB Beaufort tiada halangan ke atas perubahan ini dan maklumbalas bertulis akan diperolehi dalam minggu ini. | JPI | 3 Dis 2019 |
| 5.4 | PQS mengesahkan telah menerima Lukisan Perincian (pindaan) SESB berserta cadangan tambahan kos daripada JPI.<br><br>JPI perlu kemuka justifikasi perubahan kepada PQS sebelum Jumaat, 14 Ogos 2020. | JPI | 3 Mac 2020 |
| 5.5 | JPI diminta mengemukakan salinan surat kelulusan berserta Pelan Pembangunan (*Development Plan*) yang diluluskan oleh Majlis Daerah Beaufort sebelum SESB meluluskan permohonan bekalan elektrik (PD9 *Form*) yang dikemukakan pada 14 November 2019. | JPI | 3 Dis 2019 |
| 5.6 | REMT perlu membuat pembetulan dan kemaskini kos berhubung perincian rasionalisasi BQ M&E yang telah disemak oleh JPI. | REMT | 3 Mac 2020 |
| 5.7 | REMT memaklumkan bahawa kedudukan kabel elektrik sediada di 3 kawasan akses yang akan dibina memberi kesan kepada kerja-kerja *piling.*<br><br>JPI melaporkan bahawa perkara ini sedang dalam semakan pihak SESB HQ. | JPI | 6 Jul 2020 |
| 5.8 | JPI memaklumkan bahawa calon COW terdahulu telah membatalkan permohonan dan JPI sedang menilai calon COW M&E yang baharu. Cadangan akan dikemukakan kepada W6. | JPI | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| **6.0** | **Ukur Bahan** | | |
| 6.1 | PQS mengesahkan Lukisan Kontrak daripada setiap Perunding telah diterima oleh Unit Ukur Bahan KPKT dan Dokumen Kontrak telah dijilid. | Makluman | 3 Mac 2020 |
| 6.2 | PQS memaklumkan bahawa AFK perlu kemuka surat pengesahan Lukisan Kontrak kepada Unit Ukur Bahan. | AFK | 6 Julai 2020 |
| **7.0** | **Hal-hal Lain** | | |
| 7.1 | Perunding perlu mengemukakan kepada KPKT permohonan perubahan kerja melibatkan perubahan lokasi dan saiz pencawang SESB sebaik surat daripada SESB Beaufort diterima. | NIA<br>AFK<br>JPI | 10 Jun 2020 |
| 7.2 | REMT mengambil maklum untuk memastikan Jalan Utama sentiasa bersih daripada kotoran jentera keluar masuk ke Tapak. Kerja-kerja pembersihan perlu sentiasa dibuat seperti disarankan oleh COW Ark. | Makluman | |
| 7.3 | NIA meminta setiap Perunding membuat semakan berhubung Lukisan Pembinaan masing-masing dan setiap perbezaan mahupun isu berbangkit akan dibincangkan dalam Mesyuarat Teknikal akan datang. | Perunding | |
| **8.0** | **Penutup** | | |
| 8.1 | Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 10.30 pagi dan Mesyuarat Teknikal No. 6 akan dimaklumkan kemudian. | Makluman | |

Disediakan oleh:
noor izwan **architect**

Ar. NOOR IZWAN RAHIM
*Principal*
**22 Ogos 2020**